

Rakyat perlu ingat jasa Allahyarham Tun Abdul Razak

Date: 22-09-2006

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Jasa Allahyarham Tun Abdul Razak terhadap agama, bangsa dan negara perlu sentiasa diingati dan tetap terpahat pada hati rakyat, kata Tun Mohammed Hanif Omar.

Beliau selaku Pengerusi Yayasan Tun Razak berkata, rakyat harus berterima kasih kepada Allahyarham kerana kehidupan selesa dinikmati hari ini banyak dicetuskan oleh idea dan program beliau.

'Antara program dicetuskan oleh Allahyarham ialah pembasmian gejala buta huruf dalam kalangan rakyat, memperbanyakkan kemudahan asas dan meningkatkan produktiviti rakyat dalam pertanian.

'Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga diperkenalkan bagi membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat agar sesuatu kaum tidak lagi dikenali dengan kegiatan ekonomi tertentu sahaja.

'Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan seterusnya mewujudkan rancangan tanah Felda di seluruh negara merupakan salah satu idea Allahyarham yang diktiraf di peringkat antarabangsa,' katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran buku Tun Abdul Razak: Potret Dalam Kenangan di sini hari ini.

Buku edisi bahasa Melayu ini telah diterjemahkan oleh Datin Shajaratuddur daripada buku edisi bahasa Inggeris iaitu Tun Abdul Razak: A Personal Potrait.

Hanif berkata, buku tersebut mengandungi esei yang ditulis oleh mereka yang betul-betul rapat dengan Allahyarham.

Katanya, buku ini akan membawa para pembaca berkongsi segala kenangan manis sepanjang hayat Allahyarham dalam mencorak perkembangan negara.

'Dengan adanya buku ini Yayasan berharap ia dapat menambah himpunan buku mengenai sejarah Malaysia, khususnya berkaitan perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan oleh pemimpin silam.

'Ia juga dapat dijadikan rujukan oleh para pemimpin generasi muda bagi mempelajari dan menambah pengalaman untuk dijadikan teladan agar negara kita dapat dipimpin dan terus maju,' katanya.

(Source : Utusan Malaysia)